

GAMBAR 3

- 1. Gambar ini menunjukkan situasi di sebuah stesen bas.**
- 2. Terdapat ramai orang di stesen bas itu.**
- 3. Pada pendapat saya, hari itu adalah hari Sabtu kerana saya dapat melihat ada dua orang budak yang berpakaian seragam sedang meminta derma.**
- 4. Saya dapat melihat dua orang pelancong sedang menyanyakan sesuatu daripada seorang wanita.**
- 5. Saya dapat melihat pelancong itu membawa kamera dan peta.**
- 6. Berhampiran mereka ada seorang budak lelaki sedang meminta derma daripada seorang wanita berbangsa India.**
- 7. Wanita itu sangat baik hati kerana ingin menghulurkan wang kepada budak itu.**
- 8. Di belakang wanita itu ada seorang budak lelaki sedang membaca buku.**
- 9. Berdekatan dengan budak lelaki itu, saya dapat melihat seorang lelaki tua sedang menghulurkan wang derma.**
- 10. Berdekatan dengan lelaki tua itu saya dapat melihat sampah-sarap di lantai yang seharusnya dibuang ke dalam tong sampah yang telah disediakan di situ.**

11. *Terdapat seorang lelaki dan wanita sedang menanti bas. Bas itu penuh dengan penumpang-penumpang kerana ada ramai penumpang yang harus berdiri.*
 12. *Saya boleh melihat sebuah bas di stesen bas itu.*
 13. *Terdapat ramai penumpang yang hendak naik dan turun dari bas itu.*
 14. *Saya dapat melihat seorang nenek tua dan seorang budak kecil tidak diberi peluang untuk menaiki bas itu terlebih dahulu.*
 15. *Pada pendapat saya, mereka harus memberi nenek tua dan budak kecil itu menaiki bas itu sebelum mereka kerana nenek tua dan budak kecil itu adalah warga yang lemah.*
 16. *Pada keseluruhan gambar ini, saya dapat melihat yang suasana di stesen bas ini sangat sibuk.*
 17. *Beginilah situasi di perhentian bas.*
-